



SEBAGAI KENANGAN ... Pelajar bersama Shariff (tengah) bergambar kenangan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, Tanjung Purun.

Campus Survival UMS-KAL tangani emosi pelajar

UB 13-10-2011 B12

LABUAN: Program Campus Survival Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) 2011 merupakan penganjuran kali kedua di kampus ini.

Program disasarkan bagi membantu pelajar Tahun 1 dalam proses penyesuaian diri dalam pembelajaran dan kehidupan kampus.

Menurut Pegawai Psikologi UMS-KAL, Nur Iman Reedzal, program itu akan membantu meringankan beban emosi dan kebimbangan pelajar yang dialami sewaktu proses penyesuaian diri dalam kehidupan kampus dan pembelajaran.

Katanya, ianya menjadi sistem penyokong kepada pihak pengurusan kampus dalam menangani permasalahan pelajar berkaitan dengan isu semasa kampus.



CERIA ... Shariff (lima kanan) dan Nur Iman (empat kiri) bersama AJK Penganjur Program Campus Survival 2011.

Beliau berkata, program yang disertai 38 pelajar Tahun 1 itu mahu menengahkan peranan perkhidmatan kaunseling serta fungsi Pembimbing Rakan Siswa (PRS) disamping membina hubungan positif sesama pelajar.

"Program itu juga untuk membuka minda pelajar terhadap kursus yang diambil dan membantu mereka dalam membuat perancangan awal kerjaya," katanya.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Pengarah

UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Nur Iman berkata, pihaknya berharap ianya mampu mengasah serta melatih kemahiran komunikasi interpersonal ahli PR-Siswa dalam proses memberikan informasi dan bantuan.

Antara aktiviti program itu ialah pameran kaunter informasi dan konsultasi PRS, Seksyen Bimbingan, Kaunseling dan Kerjaya, slot bimbingan dan motivasi prospek kerjaya bidang yang ditawarkan, slot pahit manis belajar di universiti-indahnya menjadi pelajar dan tips pengurusan kewangan.

Pelajar dan AJK PRS turut mengadakan lawatan mengelilingi pulau Labuan untuk memberikan pengetahuan dan pengalaman baru kepada pelajar Tahun 1.